

Headline	<b>FRIM mahu akta khas luaskan pengkomersialan produk</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>27 Jul 2011</b>	Page No	<b>29</b>
MediaTitle	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>122 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Dlm Negeri</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>1,590</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>4,769</b>
Circ / Read	<b>197,952 / 833,287</b>		



## FRIM mahu akta khas luaskan pengkomersialan produk

KUALA LUMPUR 26 Julai - Institut Penyelidikan dan Perhutanan Malaysia (FRIM) mahu satu akta khas diwujudkan bagi membolehkan badan berkanun itu mengkomersialkan produk-produknya dengan lebih meluas.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, dengan kewujudan akta tersebut, FRIM mampu memperluaskan skop pengkomersialan selain menubuhkan anak syarikat yang memasarkan produk hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan oleh institut tersebut.

"Kerajaan juga sebelum ini mencadangkan institusi penyelidikan mengkomersialkan produk menggunakan harta intelek kita tetapi di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan 1985, aktiviti pemasaran produk amat terhad.

"Sehubungan itu, kami berharap agar akta itu dapat dilaksanakan kerana isu besar yang dihadapi FRIM ketika ini ialah kesukaran untuk mendapatkan pendapatan dan keuntungan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis memperkenalkan rakan kongsi Bio-nexus dalam industri Bioteknologi yang dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr.

Maximus Ongkili di sini, hari ini.

Abd. Latif memberitahu, FRIM berhasrat meluaskan prospek pendapatannya yang ketika ini hanya dijana menerusi perkhidmatan penyelidikan dalam bidang teknologi dan kejuruteraan kayu, teknologi kimia kayu, bioteknologi hutan serta tumbuhan ubatan dan herba yang berjumlah kira-kira RM800,000 setahun.

Justeru itu, penubuhan anak syarikat itu dijangka dapat meletakkan

FRIM bukan sahaja sebagai institusi penyelidikan malah jenama tempatan yang mampu mengeluarkan produk herba berkualiti setanding antarabangsa.

Ujarnya, dengan keuntungan pengkomersialan produk ia dapat menyumbang kepada peningkatan R&D termasuk mendapatkan tenaga pakar dalam bidang tersebut selain menyediakan makmal khusus bagi tujuan kajian dan penyelidikan.